

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan metodologi penyelidikan, bahan–bahan kajian, tatacara pengumpulan data, prosedur analisis data dan persembahan data.

3.1 Soalan-soalan Penyelidikan

Kajian ini dijalankan untuk memperolehi jawapan bagi soalan-soalan yang berikut:

- i. adakah benar bahawa lexis *Denglisch* menceroahi media elektronik di negara Jerman?
- ii. adakah golongan kata Bahasa Jerman atau golongan Bahasa Inggeris lebih dominan dalam klasifikasi golongan kata *Denglisch*?
- iii. adakah terdapat perubahan golongan kata bagi lexis *Denglisch*?
- iv. bagaimanakah lexis *Denglisch* dibentuk?

3.2 Metodologi Penyelidikan

Kajian yang dijalankan adalah bersifat deskriptif dan analitikal, iaitu kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Kajian ini memenuhi salah satu daripada empat kriteria bagi metodologi pengumpulan data, iaitu analisis ke atas dokumen dan bahan bertulis. Selain itu, data dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai dan dihuraikan dalam bentuk perkataan.

Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini merupakan pendekatan sinkronik. Kajian ini membuat penyelidikan ke atas leksis *Denglisch* untuk satu tempoh masa tertentu seperti yang diujarkan oleh Lyons (1968:50), di mana pendekatan sinkronik sesuatu bahasa bermakna huraian sesuatu keadaan tertentu bahasa itu.

Golongan kata yang dikemukakan oleh Glinz (1970) dijadikan garis panduan untuk mengkategorikan leksis-leksis *Denglisch*. Hans Glinz mengkategorikan item leksikal kepada lima kumpulan yang utama mengikut kriteria morfologi, iaitu kategori partikel, kata nama, kata ganti nama, kata adjektif dan kata kerja. Kategori-kategori ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab Dua.

Selain itu, kaedah pembentukan leksis daripada Naumann (1986) dijadikan panduan untuk menganalisis pembentukan leksis *Denglisch*. Dalam kajian ini proses pembentukan leksis *Denglisch* dikaji dan diperhatikan.

3.3 Bahan-bahan Kajian

Data yang digunakan dalam kajian ini hanya terdiri daripada leksis *Denglisch*. Data dikumpul daripada surat khabar elektronik (on-line news paper) negara Jerman, iaitu dari laman web <http://www.bild.de>. Surat khabar elektronik ini adalah jenis surat khabar tabloid yang mempunyai pembaca yang paling ramai bukan sahaja di negara Jerman, malah di seluruh Eropah (Wikipedia, 2006). Surat khabar elektronik - *Bildonline.de* dipilih kerana ia dapat memaparkan Bahasa Jerman dalam bentuk trend terkini serta yang paling sensasi dan yang paling penting, ia bebas daripada kongkongan dan pengaruh parti-parti politik Jerman. Data dikumpul setiap hari selama tiga bulan, iaitu daripada bulan Januari hingga bulan Mac 2007.

Selain data daripada surat khabar tabloid elektronik di negara Jerman, kamus-kamus turut digunakan untuk mengenal pasti asal usul sesebuah leksis, mencari makna

perkataan, dan menterjemahkan Bahasa Jerman ke dalam bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. Dalam mengenal pasti asal usul sesebuah leksis, kamus *Das Fremdwörterbuch* yang diterbitkan oleh *Duden* (2001) telah dirujuk. Kamus ekabahasa *Langenscheidt* terbitan 2001 (Bahasa Jerman-Bahasa Jerman) dan kamus dwibahasa *Langenscheidts* terbitan 1997 (Bahasa Jerman-Bahasa Inggeris; Bahasa Inggeris-Bahasa Jerman) yang diterbitkan oleh penerbit *Langenscheidts* digunakan untuk menyelesaikan masalah kesangsian atau ketidak pastian terhadap makna sesuatu leksis. Selain kamus *Langenscheidts*, dua kamus turut digunakan semasa menterjemahan leksis-leksis bahasa sumber (source language), iaitu Bahasa Jerman atau Bahasa Inggeris ke bahasa sasaran (target language), iaitu Bahasa Melayu. Kamus-kamus ini merupakan kamus dwibahasa (Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1999) dan terbitan Fajar Bakti (2001). Tujuan menterjemahkan leksis-leksis *Denglisch* adalah untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca yang tidak memahami Bahasa Jerman. Selain kamus-kamus daripada media cetak, kamus-kamus elektronik turut merupakan sumber bagi menyelesaikan kesangsian yang timbul semasa menjalankan kajian ini. Kamus-kamus elektronik ini merupakan:

- a. <http://dict.leo.org/>
- b. http://pgoh13.free.fr/english_malay_dictionary.php dan
- c. <http://dictionary.reference.com/>

Bagi masalah terjemahan leksis-leksis bahasa Inggeris dan bahasa Jerman ke dalam bahasa Melayu, atau bahasa Jerman ke bahasa Inggeris yang tidak dapat diselesaikan oleh kamus, mesin penterjemahan *Google* turut dijadikan bahan rujukan. Selain itu, penutur-penutur natif bahasa Melayu juga menyumbang kepada kajian ini dengan

memberikan idea untuk mendapatkan terjemahan yang paling dekat bagi mengelakkan terjemahan literal yang tidak sesuai dalam kajian ini.

3.4 Tatacara Pengumpulan Data dan Analisis Data

Data yang digunakan untuk menjadi bahan kajian dalam kajian ini terdiri daripada leksis-leksis. Leksis-leksis diambil daripada surat khabar tabloid elektronik, iaitu daripada halaman web <http://www.bild.de> . Data ini dikumpul setiap hari sepanjang tiga bulan, iaitu dari bulan Januari 2007 ke bulan Mac 2007. Setelah surat khabar dimuat turunkan setiap hari, surat khabar ini dicetak dan dibaca untuk mengenal pasti leksis-leksis *Denglisch*. Kesemua leksis-leksis bukan Bahasa Jerman dikumpulkan, dimasukkan dan disimpan dalam komputer mengikut tarikh.

Akan tetapi, sikap berhati-hati perlu dititik beratkan semasa mengumpul data supaya kesahan data dapat dipertahankan kesahihannya. Ini adalah kerana kedua-dua Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris berasal daripada rumpun bahasa yang sama, iaitu rumpun Indo-Eropah. Justeru itu, terdapat banyak persamaan antara kedua-dua bahasa ini. Dengan ini, semasa pengumpulan data, setiap leksis-leksis bukan Bahasa Jerman yang dapat dikumpul, disiasat akan asal-usul dengan menggunakan kamus-kamus yang sesuai, supaya masalah kekeliruan tidak berlaku, malah dapat dielakkan untuk memastikan kesahan data serta dapat memberikan data yang tulen untuk menjalankan kajian ini. Ini adalah disebabkan terdapat leksis Bahasa Inggeris yang sebenarnya dipinjam daripada Bahasa Jerman seperti *hamburger, fahrenheit, kindergarten* dan lain-lain lagi (Stubbs, 2001) dan leksis-leksis ini telah disalah anggap oleh orang ramai sebagai leksis yang dipinjam daripada Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Jerman. Selain itu, langkah penyiasatan asal usul dengan menggunakan kamus-kamus dan media elektronik diambil adalah untuk memastikan data yang dikumpul bebas daripada leksis pinjaman terutamanya daripada Bahasa Perancis yang akan

menjelaskan kekukuhan dapatan kajian ini. Setelah asal usul sesuatu leksis itu dikenal pasti, leksis–leksis yang bukan berasal daripada Bahasa Inggeris diabaikan dan tidak diambil kira semasa menganalisis data dalam kajian ini. Hanya leksis–leksis yang berasal daripada bahasa Inggeris tulen dijadikan data bagi kajian ini.

Golongan kata yang dikemukakan oleh Glinz (1970) digunakan untuk mengkategorikan data yang dikumpulkan kepada golongan kata yang sesuai. Setelah leksis-leksis *Denglisch* berada dalam kategori yang sepatutnya, perubahan golongan kata diperhatikan dengan merujuk kepada golongan kata yang tertera dalam kamus, di mana ia ditentukan oleh ahli-ahli linguist dalam hukum tatabahasa Bahasa Jerman. Akhirnya leksis-leksis *Denglisch* diperhatikan dan dianalisis akan pembentukannya. Cara pembentukan leksis-leksis *Denglisch* dititik beratkan bagi memerhatikan bagaimana pembentukan leksis baru ini dapat mengambil tempat. Dengan itu, rumusan tentang jenis–jenis pembentukam leksis–leksis *Denglisch* dapat dibuat.

3.5 Persembahan Data

Setelah melaksanakan analisis data, leksis–leksis *Denglisch* disenaraikan dalam jadual dan jadual yang berlainan untuk menunjukkan data yang diperlukan mengikut tajuk. Penjelasan yang terperinci dan sesuai diberi. Ini adalah kerana kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Selain mempersembahkan huraian dalam perkataan, dapatan kajian yang penting dan menarik turut dipaparkan dalam carta pai untuk memudahkan para pembaca memahami hasil dapatan kajian ini.

3.6 Kesimpulan

Bab Tiga ini menerangkan metodologi penyelidikan yang digunakan, proses menganalisis data dan bagaimana data dipersembahkan.